

RABU, 10 FEBRUARI, 1982

Harga bijih: KL hadkan hasil

KUALA LUMPUR, Selasa.— Malaysia akan mengurangkan pengeluaran bijih timah ke tahap 15,000 tan setahun mulai 1983, demikian diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Pengurangan sebanyak 25 peratus dari jumlah keluaran tahunan negara itu, katanya adalah demi kepentingan negara supaya bijih timah mendapat harga saksama di pasaran antarabangsa.

"Pengurangan ini bukannya bertujuan meningkatkan harga timah ke peringkat paling tinggi atau pun untuk mengurangkan penawaran bahan tersebut di pasaran dunia.

"Bukan juga menjadi hasrat Malaysia untuk menjadikan timah seperti minyak umpamanya, sehingga mengalami kenaikan harga beribu peratus tingginya," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menghuraikan perancangan ini di satu sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini. Beliau kelihatan tenang tetapi bernada serius.

"Kenaikan harga timah yang melambung akan menyebabkan pengguna menukar kepada penggunaan logam asas lainnya.

"Malaysia menyedari hakikat ini. Oleh itu, kita tidak mahukan harga timah yang melambung-lambung tingginya, sebaliknya memastikan negara ini tidak berterusan dijadikan tebusan, semata-mata kerana kita terlalu bergantung padanya untuk punca hasil negara," katanya.

Terdahulu dari itu, beliau menegaskan, kini seolah-olah wujud keadaan kelamkabut di pasaran timah antarabangsa menerusi harga yang ditekan atau melambung tanpa sesuatu sebab munasabah.

Pasaran bebas juga, katanya, didapati tidak sebebaskan seperti yang disangkakan.

"Bila kepentingan



DR. MAHATHIR

sesuatu golongan tertentu terancam, peraturan-peraturan mengenai perkara berkenaan pun dipinda.

"Sebab itulah Kerajaan tidak boleh menyandarkan harapan sepenuhnya kepada sesuatu barangan yang sering dilanda spekulasi, seperti timah.

"Dan untuk berusaha ke arah ini, Malaysia terpaksa mengurangkan pengantungannya terhadap timah sebagai punca terbesar hasil negara," lambahnya.

Menurut beliau, bijih timah dijual dan dipasarkan di luar negeri di mana Malaysia tidak mempunyai pengaruh terhadap proses pembelian dan penjualannya.

Kesulitan

Perdana Menteri mensifatkan pengurangan keluaran ini bukannya besar dalam konteks antarabangsa tetapi merupakan pemotongan yang besar kepada Malaysia.

Pemotongan ini merupakan 25 peratus dari jumlah keluaran setahun. Malaysia kini mengeluarkan 45 peratus dari jumlah keluaran timah dunia.

Katanya, banyak lombong di Malaysia kini mengalami kesulitan akibat peningkatan kos pengeluaran. Terdapat diantaranya yang tidak lagi ekonomik.

Oleh itu, katanya, Kerajaan mendapati mungkin perlu bagi pengeluaran timah di negara ini diselaraskan, bukannya melalui pemilikan negara, tapi menerusi rayuan kepada industri timah, supaya mengkaji semula proses pengeluarannya.